


**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my



MOF.TAX.700-2/1/93 JLD.2 (3)

20 September 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

*Pengetua RMC untuk
Jmdaban*

**MAKLUMAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN BAHARU INSTITUT
PENYELIDIKAN YANG DILULUSKAN BAGI POTONGAN KHAS (POTONGAN
CUKAI DUA KALI) DI BAWAH SEKSYEN 34B, AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

PROF. Ts. Dr. BARIAN BIN AHMAD
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Teknologi Malaysia

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah mengeluarkan garis panduan baharu iaitu **Garis Panduan Institut Penyelidikan Yang Diluluskan (IPYD) Bagi Potongan Khas (Potongan Cukai Dua Kali) di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967** berkuat kuasa serta-merta. Pemakaian garis panduan baharu ini berkuat kuasa ke atas permohonan IPYD baharu dan IPYD sedia ada seperti berikut:

BIL.	PERMOHONAN	PEMAKAIAN
i.	Permohonan IPYD Baharu	Pemakaian kepada garis panduan baharu serta-merta mengikut kelulusan YAB Menteri Kewangan.
ii.	Permohonan IPYD Sedia Ada Yang Telah Diluluskan Kelulusan Tanpa Tempoh (<i>perpetual</i>)	Pemakaian kepada garis panduan baharu bermula 1 Januari 2024. Tempoh kelulusan sedia ada ditamatkan pada 31 Disember 2023 dan tertakluk dengan pemakaian garis panduan baharu mulai 1 Januari 2024.
iii.	Permohonan IPYD Sedia Ada Yang Telah Diluluskan Dengan Had Tempoh	Pemakaian kepada garis panduan baharu bermula 1 Januari 2024. Tempoh lima (5) tahun sedia ada ditamatkan pada 31 Disember 2023 dan tertakluk dengan pemakaian garis panduan baharu mulai 1 Januari 2024.

[Signature]
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia

3. Bagi tujuan penyelarasan dan keseragaman pematuhan dasar, semua IPYD yang telah diluluskan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 sebelum ini tertakluk kepada pemakaian garis panduan baharu ini **berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 dan tempoh kelulusan sedia ada akan ditamatkan pada 31 Disember 2023.**

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini dan **mengambil tindakan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan sebagai IPYD di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 berdasarkan kepada garis panduan baharu tersebut.** Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan juga adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan tersebut **selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat 31 Disember 2023** bagi melancarkan proses penilaian dan pertimbangan. Bersama-sama ini disertakan sesalinan garis panduan baharu tersebut untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan juga.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(MAHFUZH BINTI BAHARIN)

Bahagian Cukai

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

9. En. Jumat bin Sulaiman
Research Management Centre
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU
Sabah
No. Faks: 088-320000 ext 101307
10. YBhg. Prof. Dr Lo May Chiun
Pengarah
Centre of Research and Innovation Management
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300, KOTA SAMARAHAN
Sarawak
No. Tel.: 082 – 581 153
11. YBhg. Prof. Madya Dr. Zarina binti Mohamad
Pengarah
Center for Research Excellence and Incubation Management (CREIM)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300, KUALA NERUS
Terengganu
No. Tel.: 09 – 668 7961/7984
No. Faks: 09 – 668 7978
12.  YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad
Pengarah
Research Management Centre (RMC)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 PARIT RAJA
Batu Pahat, Johor
No. Tel.: 07 – 456 4941
13. Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan UMT
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Aras 1, Graduate School Building
21030, KUALA TERENGGANU
Terengganu
No. Tel.: 09 – 668 5185

14. YBhg. Prof. Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli
Pengarah
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
26600, PEKAN
Pahang
No. Tel.: 09 – 431 5861
No. Faks: 09 – 431 5555

15. YBhg. Prof. Ts. Dr. Noreffendy bin Tamaldin
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)
Kompleks Penyelidikan dan Inovasi
Blok A, Aras 1
Hang Tuah Jaya
76100, DURIAN TUNGGAL
Melaka
No. Tel.: 06 – 270 1301
No. Faks: 06 – 270 6075

16. YBhg. Chm. Ts. Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (RMIC)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Karung Berkunci 01
16300, BACHOK
Kelantan
No. Tel.: 09 – 7797 780

17. YBhg. Prof. Madya Dr Rosmilah Binti Misnan
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City
35900 TANJONG MALIM
Perak
No. Tel.: 05 – 4879 7869

GARIS PANDUAN PERMOHONAN INSTITUT PENYELIDIKAN YANG DILULUSKAN BAGI POTONGAN KHAS (POTONGAN CUKAI DUA KALI) DI BAWAH SEKSYEN 34B AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967

1. PENGENALAN

- 1.1 Kerajaan sentiasa menyokong dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan keupayaan ekonomi sesebuah negara.
- 1.2 Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif percukaian bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan sama ada secara dalaman (*in-house*) ataupun menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh institut penyelidikan atau syarikat penyelidikan.
- 1.3 Institut penyelidikan yang diluluskan (IPYD) merujuk kepada :
 - (a) sebuah institut (termasuk syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 45 Akta Syarikat 2016) yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk menjalankan penyelidikan secara dalaman (*in-house*) dengan memberi manfaat kepada institut sendiri atau kepada pelanggan melalui hasil penyelidikan dan aktiviti pengkomersialan.
 - (b) sebuah badan yang tidak berorientasikan keuntungan dan bergantung kepada dana kerajaan dan awam serta bayaran atas perkhidmatan untuk melaksanakan objektif dan aktiviti R&D.
 - (c) Tidak pernah diluluskan sebagai sebuah institusi di bawah seksyen 44(6) atau 44(6B) ACP 1967.
- 1.4 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan:
 - (a) syarat dan kriteria permohonan IPYD;
 - (b) tanggungjawab IPYD; dan
 - (c) insentif cukai di bawah Seksyen 34B ACP 1967.

2. SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

2.1 Antara syarat dan kriteria permohonan untuk diiktiraf sebagai sebuah institut penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri adalah seperti yang berikut:

- (a) Institut penyelidikan yang ditubuhkan oleh Kerajaan sama ada dibiayai sepenuhnya oleh dana kerajaan ataupun dana awam. Hanya satu (1) institut penyelidikan di dalam agensi kerajaan dan universiti awam layak untuk diiktiraf sebagai IPYD;
- (b) Institut penyelidikan mestilah bermastautin di Malaysia dan objektifnya adalah menjalankan aktiviti R&D dan pengkomersialan berasaskan sains atau teknologi;
- (c) Institut penyelidikan mestilah mempunyai kemudahan infrastruktur serta fasiliti R&D yang mencukupi termasuklah mempunyai kakitangan yang berkepakaran dan berkelayakan;
- (d) Institut penyelidikan yang telah diiktiraf sebagai sebuah Institut penyelidikan diluluskan hendaklah mematuhi definisi R&D di bawah Seksyen 2 ACP 1967 seperti yang berikut:

“penyelidikan dan pembangunan” ertinya apa-apa kajian sistematik, siasatan dan eksperimen yang melibatkan risiko novelti atau teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau perbaikan bahan, alat, keluaran, hasil atau proses, tetapi tidak termasuk:

- (i) kawalan mutu atau pengujian rutin bahan, alat atau keluaran;
- (ii) penyelidikan sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- (iii) pemungutan data rutin;
- (iv) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- (v) penyelidikan pasaran atau penggalakan penjualan;
- (vi) pengubahsuaian atau perubahan rutin bagi bahan, alat, keluaran, hasil atau kaedah pengeluaran; atau
- (vii) pengubahsuaian kosmetik atau pengubahsuaian stilistik bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran.

Walau bagaimanapun IPYD boleh melaksanakan aktiviti (i) – (vii) tetapi pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan tersebut daripada IPYD tidak layak tuntutan 34B ACP 1967.

Bagi pelanggan IPYD yang mendapatkan perkhidmatan R&D daripada IPYD dan berhasrat membuat tuntutan di bawah seksyen 34B ACP 1967, syarikat boleh mengakses maklumat lanjut berhubung pemakaian definisi R&D dan kriteria kelayakan tuntutan dengan merujuk ketetapan umum berikut yang boleh didapati di dalam portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my seperti berikut:

- (i) Ketetapan Umum No.5/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I - Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak;
 - (ii) Ketetapan Umum No.10/2021 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II - Potongan Khas; dan
 - (iii) Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak.
- (e) Tempoh kelulusan yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada institut penyelidikan yang diluluskan di bawah seksyen 34B ACP 1967 adalah selama lima (5) tahun. Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, IPYD perlu membuat permohonan secara bertulis dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan kepada Kementerian Kewangan (MOF);

- (f) Bagi permohonan yang baharu dokumen yang berikut hendaklah dikemukakan:
- (i) Dokumen/ salinan minit mesyuarat/ surat sokongan yang mengesahkan penubuhan institut penyelidikan;
 - (ii) Carta organisasi institut penyelidikan;
 - (iii) Latar belakang institut penyelidikan; dan
 - (iv) Senarai aktiviti R&D yang telah dan akan dijalankan bagi dua tahun yang terkini.
- (g) Permohonan berserta dokumen yang lengkap boleh dihantar kepada:

Setiausaha
Bahagian Cukai
Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592, Putrajaya.
(u.p. : Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai,
Sektor Galakan Cukai dan Sektor)

3. TANGGUNGJAWAB IPYD

Tanggungjawab IPYD adalah seperti yang berikut:

3.1 Penyimpanan rekod yang mencukupi

- (a) IPYD dikehendaki menyimpan rekod dan resit berhubung dengan segala tuntutan bagi perbelanjaan yang dilakukan bagi mana-mana projek penyelidikan termasuk rekod ke atas aktiviti penyelidikan, catatan helaian masa yang diambil oleh setiap kakitangan penyelidikan terhadap setiap projek dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong perbelanjaan yang dituntut. Rekod berasingan hendaklah disimpan bagi setiap projek yang berasingan;
- (b) Perjanjian sefahaman/ surat anugerah/ surat perjanjian (*Memorandum of Understanding/ Letter of Award/ Agreement Letter*) di antara IPYD dengan pelanggan bagi mengesahkan butiran projek dan aktiviti R&D

yang akan dilaksanakan.

(c) Penyelidik:

- (i) Butiran penyelidik (maklumat diri) dan kelayakan;
- (ii) Helaian masa (time sheet) sepanjang tempoh aktiviti R&D;
- (iii) Menyediakan jadual aktiviti R&D/ *gantt chart*;
- (iv) Memastikan definisi R&D dipatuhi dan bertanggungjawab ke atas aktiviti R&D yang berkaitan dengan projek milik pelanggan.

(d) Kewangan:

- (i) Pengeluaran resit rasmi ke atas sumbangan tunai atau pembayaran atas perkhidmatan;
- (ii) Rekod penerimaan seperti sumbangan tunai dan bukti bayaran daripada pelanggan serta rekod perbelanjaan aktiviti R&D (pembelian bahan mentah/ perjalanan/ pengangkutan/ utiliti/ penyelenggaraan dan sebagainya);
- (iii) Rekod pembayaran gaji/ elaun/ upah kepada penyelidik/ pembantu penyelidik/ kakitangan;
- (iv) Selaras dengan subseksyen 83(1) ACP, majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja (Borang EA atau EC) dan Borang E (Majikan), semua pembayaran berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja [bagi tujuan pelaporan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP/ Borang BE)].
- (v) Dana yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan pegawai IPYD melaksanakan tugas-tugas rasmi berkaitan R&D hendaklah mengikut pekeliling yang berkuatkuasa.

3.2 Pengurusan dan pentadbiran

- (a) Pengeluaran resit sumbangan dan bayaran atas perkhidmatan
- (i) Semua penerimaan secara tunai/ bank perlu menggunakan resit rasmi dan direkodkan secara berasingan di antara akaun induk dan akaun IPYD/ pusat R&D;
 - (ii) Sebarang penerimaan dan baki pendapatan mestilah digunakan untuk manfaat IPYD sendiri atau aktiviti yang berkaitan dengan R&D;
 - (iii) Resit yang dikeluarkan kepada penderma/ pelanggan di bawah maksud seksyen 34B ACP mestilah mempunyai catatan seperti contoh berikut:

Resit yang dikeluarkan kepada penderma/ pelanggan	
Layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967	Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967
(i) Sumbangan tunai ke atas IPYD (Universiti A) di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967	(i) Bayaran atas 'Analysis For Cured Epoxy Compound' (Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967);
(ii) Bayaran atas perkhidmatan (bayaran pertama/ kedua/ dan sebagainya) ke atas IPYD (Universiti B) di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967	(ii) Bayaran atas 'Analisa sampel daun, tanah dan baja' (Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967)
	(iii) Bayaran atas 'Training Course' (Tidak layak potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967)

Jadual 1: Catatan di resit yang dikeluarkan kepada penderma/ pelanggan

Contoh 1

Pusat Penyelidikan dan Pengurusan (RMC) di Universiti C mempunyai dana terkumpul berjumlah RM1.5 juta pada 31 Disember 2021. Universiti C memohon sumbangan RM100 ribu daripada RMC bagi aktiviti majlis konvokesyen tahunan pada tahun 2022. Amaun RM100 ribu tidak boleh dibelanjakan bagi aktiviti tersebut kerana ianya tidak mencapai objektif penyelidikan dan tidak melibatkan aktiviti R&D.

Contoh 2

Syarikat MNO (menutup akaun pada 31 Dis) telah menyumbang RM10 ribu tunai kepada RMC (Universiti D) iaitu institut penyelidikan yang diluluskan pada tahun 2021. Amaun sumbangan layak mendapat potongan khas dua kali dalam menentukan pendapatan larasan daripada punca perniagaan Syarikat MNO bagi tahun taksiran 2021.

Contoh 3

Puan Adreana mempunyai pendapatan penggajian bagi tahun 2021. Beliau telah menyumbang RM1 ribu tunai kepada RMC (Universiti E) pada tahun tersebut. Puan Adreana tidak layak menuntut potongan khas dua kali kerana sumbangan tunai di bawah seksyen 34B hanya dibenarkan dipotong dalam menentukan pendapatan larasan daripada punca perniagaan pada tahun 2021.

- (b) Pemberian dalam bentuk perbelanjaan modal adalah tidak dibenarkan potongan dua kali contohnya sumbangan ke atas pembinaan bangunan, membeli loji dan jentera, bangunan atau kenderaan bagi kegunaan di dalam penyelidikan;

Contoh 4

Syarikat PQR telah menandatangani satu kontrak perjanjian pada 15.01.2022 dengan RMC (Universiti F) bagi menyediakan perkhidmatan R&D ke atas projek milik syarikat. Butiran perbelanjaan di dalam kontrak perjanjian adalah seperti berikut:

Butiran	Amaun (RM)
Kos projek termasuk pembelian bahan mentah, perjalanan, penyelenggaraan, pengangkutan dan elaun penyelidik/ pembantu	450,000
Kos pembelian mesin	120,000
Jumlah keseluruhan	570,000

Jadual 2

Hanya perbelanjaan berjumlah RM450,000 yang layak mendapat potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B ACP sekiranya aktiviti-aktiviti R&D yang dijalankan oleh RMC adalah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan. Amaun RM120,000 tidak layak mendapat potongan khas dua kali di bawah seksyen 34B ACP kerana ianya adalah perbelanjaan modal.

- (c) Bagi pembelian aset atau aset yang disumbangkan (hadiah) oleh pihak ketiga kepada IPYD, aset tersebut hendaklah direkodkan atas nama IPYD;
- (d) Jika sesuatu aset yang merupakan loji atau jentera dihadiahkan kepada IPYD, nilai pelupusan hendaklah dianggap sebagai kosong (iaitu penderma akan diberi elaun imbalan bersamaan dengan nilai baki loji dan jentera yang disumbangkan);

Contoh 5

Syarikat STU telah membeli sebuah komputer dengan harga RM20 ribu pada tahun 2021 bagi kegunaan perniagaannya. Pada tahun 2022, syarikat telah menghadiahkan komputer tersebut (nilai baki RM8 ribu) kepada RMC

(Universiti G). Pengiraan elaun modal bagi komputer yang dihadaikan itu akan dikira seperti berikut:

Perbelanjaan bakian	RM8 ribu
Nilai pelupusan aset	RM 0
Elaun imbangan	RM8 ribu

Syarikat STU layak untuk mendapat elaun imbangan sebanyak RM8 ribu atas perbelanjaan bakian komputer yang dihadaikan kepada RMC (Universiti G)

(e) Hasil penerimaan sumbangan wang tunai perlu menggunakan resit rasmi yang dikeluarkan oleh IPYD. Resit rasmi hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:

- i. Nama dan alamat universiti awam/ agensi kerajaan;
- ii. Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
- iii. Tarikh resit;
- iv. Nama penderma berserta nombor pendaftaran syarikat penderma;
- v. Alamat surat menyurat penderma; dan
- vi. Jawatan pemungut (collector) seperti Pegawai Kewangan atau Bendahari;

(f) Maklumat lengkap penderma hendaklah dikemukakan seperti berikut:

- (i) Nama penderma;
- (ii) Nombor pendaftaran syarikat;
- (iii) Alamat lengkap; dan
- (iv) Amaun sumbangan dan tarikh.

(g) Penyata Kewangan mestilah disediakan oleh pihak IPYD dalam tempoh tujuh (7) bulan daripada tempoh kewangan berakhir dan disahkan oleh juruaudit yang dilantik.

- (h) Selaku penyedia perkhidmatan R&D, IPYD bertanggungjawab ke atas semua aktiviti/ projek R&D yang dijalankan bagi pihak pelanggan. Pihak MOF atau wakilnya berhak menyemak dokumen tersebut bagi tujuan pemeriksaan;
- (i) IPYD bertanggungjawab memaklumkan kepada pelanggan IPYD berhubung keperluan pelanggan melengkapkan Borang 3 dan Lampiran 1 bagi tujuan tuntutan potongan cukai di bawah 34B ACP 1967.
- (j) Membantu pihak pelanggan yang telah menuntut potongan khas di bawah seksyen 34B ACP dengan melengkapkan Borang 3. Borang 3 yang telah dilengkapkan bersama Lampiran 1 hendaklah disimpan oleh orang yang menuntut potongan dua kali dan dikemukakan semasa pemeriksaan audit oleh LHDNM.

Untuk maklumat lanjut mengenai Borang 3, sila rujuk kepada garis panduan yang bertajuk Garis Panduan Prosedur Permohonan Potongan Khas Bagi Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak bertarikh 29.12.2021 yang boleh dimuat turun di bawah Garis Panduan Teknikal daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

- (k) Sekiranya berlaku perubahan atau pertukaran nama IPYD, IPYD hendaklah mengemukakan permohonan pertukaran kepada MOF dalam tempoh 60 hari daripada tarikh mesyuarat/ pengesahan/ memorandum/ resolusi yang berkaitan.

4. KRITERIA PERMOHONAN LANJUTAN IPYD

- 4.1 Tempoh kelulusan yang diberikan adalah selama 5 tahun kepada institut penyelidikan.
- 4.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, IPYD hendaklah **memohon secara bertulis dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan kepada MOF.**

4.3 Permohonan lanjutan tempoh kelulusan IPYD akan diberikan pertimbangan oleh MOF berdasarkan semakan pematuhan syarat-syarat secara tahunan seperti berikut:

- (a) IPYD mengemukakan penyata pendapatan dan perbelanjaan kepada MOF dengan menggunakan Lampiran A;
- (b) IPYD mengemukakan senarai penyumbang yang telah menyumbang sebanyak **RM5,000** dan ke atas dengan menggunakan Lampiran B;
- (c) Sebarang penerimaan dan baki pendapatan mestilah digunakan untuk manfaat IPYD sendiri atau aktiviti yang berkaitan dengan R&D;
- (d) IPYD mengemukakan senarai terkini carta organisasi IPYD (khususnya peringkat pengurusan tertinggi) sekiranya ada pertukaran;
- (e) IPYD masih menjalankan aktiviti R&D dan memenuhi definisi R&D di bawah seksyen 2 ACP 1967; dan
- (f) IPYD mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MOF dari semasa ke semasa.

5. INSENTIF CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 34B ACP

5.1 Dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan dua kali dibenarkan atas amaun perbelanjaan (bukan merupakan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan. Potongan dua kali itu boleh ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan dalam tempoh asas berkenaan dengan –

- (a) sumbangan secara tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan;
- (b) bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan; atau
- (c) bayaran untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D atau syarikat R&D kontrak.

- 5.2 Sumbangan tunai atau bayaran untuk penggunaan perkhidmatan yang diberikan dalam bentuk perbelanjaan modal adalah tidak dibenarkan potongan dua kali contohnya sumbangan kepada dana pembangunan, membeli loji dan jentera, bangunan atau kenderaan bagi tujuan penyelidikan.
- 5.3 Dalam erti kata lain, selain daripada sumbangan secara tunai kepada IPYD, seseorang yang telah melakukan penyumberan luar aktiviti R&D yang diluluskan yang berkaitan dengan perniagaannya, kepada penyedia perkhidmatan R&D yang diluluskan boleh menuntut potongan dua kali terhadap pembayaran yang dibuat kepada penyedia perkhidmatan. Potongan dua kali ini adalah untuk perbelanjaan R&D yang layak sahaja.
- 5.4 Mana-mana orang yang layak membayar untuk penggunaan perkhidmatan syarikat R&D kontrak yang diluluskan atau syarikat R&D yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti R&D untuknya, boleh menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34B ACP dengan syarat bahawa aktiviti –
- (a) memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya; dan
 - (b) perbelanjaan hasil yang berkaitan dengan aktiviti R&D adalah perbelanjaan yang layak.
- 5.5 Jika projek telah disumber luar kepada mana-mana penyedia perkhidmatan sama ada dalam atau luar Malaysia, IPYD mestilah mengetahui dan menentukan bagaimana sesuatu aktiviti R&D dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan tersebut. IPYD dan pelanggan perlu mengenalpasti dan memastikan definisi R&D dipatuhi bagi tujuan pengauditan ke atas projek R&D dengan menyediakan dokumen sokongan yang lengkap bagi tujuan tuntutan potongan dua kali.
- 5.6 Bagi penyumberan luar kepada penyedia perkhidmatan luar negara, pengenaan cukai pengangan di bawah seksyen 109B ACP adalah terpakai.
- 5.7 Pelanggan yang telah menuntut insentif cukai di bawah seksyen 34B ACP adalah tidak layak menuntut Insentif Pembangunan Harta Intelek (IP) dan

tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang sedang berkuatkuasa.

6. LARANGAN DAN PELANGGARAN STATUS IPYD

- 6.1 IPYD tidak dibenar menyalahgunakan sijil kelulusan MOF bagi tujuan selain daripada aktiviti R&D dan pengkomersialan R&D. Sijil kelulusan tersebut juga tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada MOF.
- 6.2 Sebarang penerimaan dan baki pendapatan hendaklah digunakan bagi tujuan objektif IPYD sendiri atau aktiviti yang berkaitan dengan R&D.
- 6.3 Perbelanjaan bagi yang digunakan secara langsung untuk aktiviti R&D hendaklah sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah dana terkumpul pada 1 Januari setiap tahun.
- 6.4 Kos perbelanjaan seperti kerja guaman dan pentadbiran yang berkaitan dengan permohonan hak harta intelek, rekod dan litigasi dan penjualan atau perlesenan hak harta intelek serta pemerolehan hak ke dalam atau ke atas mana-mana harta (termasuk royalti) adalah tidak termasuk dalam perbelanjaan bagi aktiviti R&D yang layak untuk potongan dua kali.
- 6.5 Sekiranya IPYD mendapati ianya gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan atau terdapat perubahan struktur organisasi yang menyebabkan IPYD tidak lagi menjalankan aktiviti R&D, maka IPYD boleh mengemukakan permohonan bertulis kepada MOF bagi penyerahan status IPYD.
- 6.6 Sekiranya IPYD didapati tidak mematuhi syarat yang dinyatakan dalam garis panduan ini, kelulusan yang diberikan boleh ditarik balik. IPYD diminta untuk memberikan alasan yang munasabah secara bertulis dalam notis tunjuk sebab kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan.
- 6.7 Sekiranya Menteri bersetuju untuk menarik balik status, maka tarikh penarikan balik akan berkuat kuasa pada:

- (a) tarikh institut penyelidikan diberikan kelulusan sebagai IPYD; atau
- (b) apa-apa tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

6.8 Apabila suatu kelulusan status ditarik balik, syarikat yang menuntut di bawah seksyen 34B ACP 1967 juga tidak lagi boleh dibenarkan potongan dua kali mulai dari tarikh status ditarik balik atau tarikh penamatan status IPYD berkuat kuasa.

Kementerian Kewangan: 9 Mac 2023

Lampiran A

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tempoh Berakhir pada _____.			
Pendapatan		20XX (RM) Tahun sebelum	20XX (RM) Tahun semasa
Baki bawa bawah (b/b) [A]			
(a)	Sumbangan Tunai		
(b)	Bayaran Atas Perkhidmatan		
	(i) Aktiviti R&D		
	(ii) Bukan Aktiviti R&D		
(c)	Lain-lain (nyatakan)		
	(i)		
	(ii)		
Jumlah Pendapatan [B]			
Perbelanjaan (nyatakan)			
(a)	Aktiviti R&D		
(b)	Bukan Aktiviti R&D		
(c)			
(d)			
Jumlah Perbelanjaan [C]			
Jumlah Dana/ (Dana Terkurang) Tahun Semasa [D] = (B)- (C)			
Jumlah Dana Terkumpul/ (Dana Terkurang) [E] = (A)+(D)			

Catatan:

Lampiran A dan B ini hendaklah dikemukakan tujuh (7) bulan selepas tamat tempoh perakaunan kewangan berakhir.

Senarai nama penyumbang bagi tahun 202X

Bil.	Nama penyumbang (No. pendaftaran perniagaan)	Tarikh	Amaun (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			